



SENARAI KURNIAAN HARI KEPUTERAAN

BANDAR BRUNEI — Lima puluh empat orang ra'ayat Brunei dan sa-orang warga negara Persekutuan Tanah Melayu telah di-kurniakan bintang dan pingat2 kehormatan oleh Duli Yang Maha Mulia dalam istiadat menyambut hari keputeraan baginda yang ke-44 di-Istana Darul Hana pada 23 September lepas.

Antara mereka itu sa-puluh orang telah di-kurniakan gelaran Dato termasuklah Dato Haji Mohamed Noah bin Omar, Speaker Dewan Perwakilan Ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu.

DATO SETIA

NEGARA BRUNEI

Dato Haji Mohamed Noah telah di-kurniakan bintang D.P.M.B. (Dato Paduka Mahkota Brunei) darjah kedua.

Sembilan orang ra'ayat yang telah di-kurniakan gelaran Dato itu ada-lah ahli2 rombongan perlombongan yang telah berangkat bersama Duli Yang Maha Mulia ka-United Kingdom dalam tahun lepas kerana mengadakan rundingan mu'tamad dengan wakil2 Kerajaan British atas bentuk perlombongan Negeri Brunei yang ada sekarang.

Mereka itu ia-lah Duli Pengiran Pemancha Haji Mohamed Alam, Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar, Pengiran Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad, Orang Kaya Laksamana Haji Mohamed Taha, Pengiran Ali bin Pengiran Haji Daud, Inche Marsal bin Maun, Jawatan Dalam Haji Awang Mohamed Nor dan Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Mohamed Salleh.

Sa-lain dari itu Bintang Pekarman Negara (P.S.N.B.) telah di-kurniakan kepada Pengiran Metassim bin Pengiran Omarali dan Pengiran Haji Buntar bin Pengiran Ja'afar.

PINGAT OMAR

ALI SAIFUDDIN

Pingat Omar Ali Saifuddin (darjah pertama) telah di-kurniakan kepada Pengiran Muda Haji Ismail, juruiring tentera Duli Yang Maha Mulia.

Empat orang ia-itu Awang Ismail bin Mohamed Daud, Pengiran Ahmad Belaman, Pengiran Aji dan Pengiran Momin telah di-kurniakan pingat P.O.A.S. (darjah kedua).

Tiga puluh delapan orang telah di-kurniakan pingat jasa kerja. Mereka itu ia-lah:

Duli Pengiran Pemancha Haji

Inche Ishak bin Abdullah, Pengiran Yusof bin Pengiran Tengah, Inche Besar bin Mat Yassin, Inche Maksin bin Haji Othman.

38 PINGAT

JASA KERJA

Inche Tudin bin Nudin, Pengiran Abdul Momin bin P. Othman, Inche Md. Yassin bin Haji Metassim, Inche Md. Yassin bin Ahmad, Inche Marsal bin H. Hassan, Inche Naweh bin Metassim, Inche Mohamed Hussin

Mohamed Alam, Tuan Chua Kwang Soon, Tuan Teo Kim Yau, Inche Omar bin Duah, In-



Dato Haji Mohamed Noah bin Omar tunduk menchiom tangan Duli Yang Maha Mulia sa-lapas di-kurniakan bintang D.P.M.B. darjah kedua. Dalam istiadat itu sembilan orang ra'ayat Brunei telah di-istiharkan mendapat kurniaan bintang D.S.N.B. (Dato Setia Negara Brunei).

che Chuchu bin Bongsu, Pengiran Mohamed bin Pengiran Haji Metassim, Inche Osman bin Tarip, Malai Othman bin Malai Hamid, Pengiran Shahbandar Haji Mohamed Salleh.

Pehin Khatib Haji Metali bin Matyassin, Pengiran M. Hassan bin Pengiran Munggo, Inche Matnoor bin Awang, Awang Damit bin Jadid, Tuan Chan Ah Tai, Tuan Anthony S. Newn, Inche Suhaimi bin Haji Ismail,

bin Ibrahim.

Tuan Haji Abang Ghazalli bin Dato Shahbandar Abang Seruji, Inche Yahya bin Dollah, Pengiran Bakar bin Pengiran Ahmad, Inche Daud bin Hussin, Inche Hamdan bin Abdullah, Inche Ibrahim bin Abdul Hamid, Dato Paduka Haji Ibrahim, Inche Abdul Rahman bin Mohamed Hussain, Abang Spawi, Tuan Sheikh Mahmood dan Tuan Haji Metassim.

"SUROI LAUT" JOHAN DALAM PERLUMBAAN

BANDAR BRUNEI — "Suroi Laut", ia-itu sa-buah perahu kepunyaan Tuan Haji Ibrahim bin Pehin Seri Wangsa telah menjadi johan dalam lima perlumbaan dan naib johan dalam satu perlumbaan perahu2 baharu2 ini.

Kejayaan perahu tersebut telah berlaku di-temasha lumba perahu yang telah di-adakan di-Sungei Brunei pada masa sambutan hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia.

Suroi Laut itu telah menjadi johan dalam perlumbaan perahu berkayoh sa-puluh orang dua kali, lima belas orang dua kali, dua puluh orang sa-kali dan menjadi naib johan dalam perlumbaan perahu berkayoh dua puluh orang.

PEMBUKAAN SEKOLAH

SERIA. — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha telah berangkat ka-sini pada awal bulan lepas kerana mengishtiharkan pembukaan bangunan baharu sekolah Chung Ching Middle School sa-bagai wakil Duli Yang Maha Mulia.

Sekolah itu telah di-bena dengan bantuan kerajaan yang telah menderma sa-banyak \$1 bagi tiap2 \$1 yang di-kutip oleh jawatan kuasa sekolah.

Bangunan baharu itu berharga hampir \$400,000.

Sekolah itu telah di-dirikan dalam tahun 1937 dengan 30 orang murid. Sekarang ia mempunyai 1,620 orang murid dan 54 orang guru.

Dato Belloch bersara

BANDAR BRUNEI. — Dato I. W. Belloch, pemangku Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei telah berlepas dengan kapal terbang dari Brunei ka-United Kingdom pada 23 September.

Beliau telah memangku jawatan itu sa-lama tiga bulan dalam masa Pesuruh Jaya Tinggi Tuan D.C. White berchuti di-England.

Persediaan kerana pilehan raya

HARI MEMBUANG UNDI IA-LAH PADA Hujung BULAN AUGUST

BANDAR BRUNEI—Pilehan raya bagi ahli2 Majlis Meshuarat Daerah telah di-tetapkan untuk di-adakan pada hujung bulan August tahun hadapan.

Pilehan itu ia-lah untuk membolehkan ahli2 memilih antara mereka ahli2 yang di-pilih dalam Majlis Meshuarat Negeri seperti yang di-kehendaki oleh Bahagian VI dalam Undang2 Perlembagaan tahun 1959.

Bahagian itu telah berjalan kuatkuasa-nya semenjak perlembagaan itu di-ishtiharkan pada 29 September, 1959.

Undang2 itu berkata bahawa tidak lewat dari dua tahun sesudah kuatkuasa Bahagian VI di-jalankan kerusi2 bagi ahli2 tersebut akan di-penuhi dengan jalan pilehan raya.

Ahli2 yang di-pilih yang akan menduduki kerusi2 Majlis Meshuarat Negeri itu ia-lah sa-ramai 16 orang dari jumlah 33 orang ahli ia-itu 8 orang ahli berjawa-

tan, 6 orang ahli resmi dan 3 orang ahli yang di-lantek.

Untuk menjalankan pilehan raya pada hujung bulan August tersebut kerajaan telah membuat rancangan seperti berikut :

October, 1960. Pegawai2 Pilehan Raya mulai menjalankan tugas dan membuat persediaan mendaftarkan ra'ayat dan penguandi2.

November, 1960. Undang2 Kebangsaan akan di-kuatkuasakan dan dalam bulan ini juga Undang2 dan peratoran2 pilehan raya akan di-kuatkuasakan.

31 December, 1960. Menetapkan kawasan pilehan raya.

January, February dan March, 1961. Dalam bulan2 ini pendaftaran ra'ayat akan di-jalankan dan nama2 ra'ayat yang layak mengundi akan di-daftarkan.

April dan May, 1961. Daftar penguandi akan di-sediakan.

June, 1961. Pengesahan daftar penguandi.

1 July, 1961. Hari melantek chalon.

Hujung August, 1961. Hari membuang undi bagi Majlis2 Meshuarat Daerah.

September, 1961. Ahli2 Majlis Meshuarat Daerah yang di-pilih memilih 16 orang antara mereka menjadi ahli Majlis Meshuarat Negeri yang di-pilih.

Jumlah kawasan pilehan raya bagi tiap2 daerah dan banyak ahli tiap2 daerah akan di-nyatakan kelak, bagitu juga banyak wakil bagi tiap2 daerah yang akan di-pilih menjadi ahli Majlis Meshuarat Negeri.

RUNDINGAN DEWAN BAHASA

BANDAR BRUNEI — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Persekutuan Tanah Melayu, Tuan Syed Nasir bin Ismail telah membuat shor2-nya tentang menubuhkan sa-buah dewan bahasa yang di-ranchangkan bagi Negeri Brunei.

Tuan Syed Nasir yang telah datang ka-Brunei kerana menghadiri istiadat hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia yang ke-44 ini telah berunding dengan pegawai2 tinggi kerajaan.

Baharu2 ini Kerajaan Brunei telah menghantar satu rombongan yang terdiri dari lima orang pegawai ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk memerhatikan perjalanan dewan bahasa dan pustaka Persekutuan.

Mereka itu di-ketuai oleh Yang Berhormat Inche Idris bin Babji.



Duli Yang Maha Mulia telah membuka pameran barang2 pertukangan tangan dan kesenian Indian di-dewan SOAS College, Bandar Brunei pada 29 September lepas. Dalam ucapan-nya baginda telah memuji kaum Indian di-Brunei kerana mengadakan pertunjukan itu. Baginda kemudian-nya telah membeli berbagai2 barang sa-belum berangkat balek.

Keputusan peraduan berchuchul dalam perayaan hari keputeraan

BANDAR BRUNEI — Rumah Yang Amat Mulia Pengiran Shabbandar Anak Haji Md. Salleh di-Kampung Pengiran Pemacha Lama telah di-pilih sa-bagai rumah yang terchanteak sa-kini dalam peraduan Berchuchul Lampu Listrik antara kedai2 atau rumah2 kerana menyambut perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Ke-44 baharu2 ini dengan memenangi hadiah perisai rebutan dari pada Mr. Lim Chen Teck.

Hadiah kedua telah di-menangi oleh rumah Awangku Abas bin Pengiran Haji Besar, Batu Enam, Jalan Tutong Brunei dan hadiah ketiga di-menangi oleh rumah Awang Anak bin Haji

Othman, Kampung Sungai Kedayan, Brunei.

Hong Kong & Shanghai Bank Co-Operation Bandar Brunei telah memenangi hadiah piala perak dari Yacht Club Brunei kerana bangunan2 yang terchanteak dengan perhiasan-nya dalam peraduan tersebut.

Keputusan peraduan berchuchul lampu minyak dan lilin dalam kawasan Bandar Brunei termasuk Kampung Ayer (Perisai rebutan hadiah dari Pehin Jawatan Dalam) di-menangi oleh rumah Pengiran Apong bin Pengiran Puteh, Kampung Bakut Berumput Brunei (1), rumah Awang Taib bin Pehin Jawatan Dalam Haji Md. Yusuf, Kampung Sungai Kedayan Brunei (2) dan rumah Pehin Seri Wangsa Haji Muhammad, Kampung Setia Pahlawan Brunei (3).

Sa-lain dari itu sa-puluh hadiah sagu hati telah di-bahagikan kepada rumah2 yang mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.



Satu perbarisan kehormatan telah di-adakan di-padang besar Bandar Brunei pada pagi 23 September kerana menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia yang ke-44. Dalam perbarisan itu pasokan polis, pengakap pandu puteri, palang merah dan lain2 pertubuhan telah mengambil bahagian.

Menyaksikan perbarisan itu di-pentas agong ia-lah Duli Yang Maha Mulia dan tetamu2 agong dari Singapura di-ketuai oleh Yang di-Pertuan Negara Singapura, Inche Yusof bin Ishak dan isteri-nya, Puan Noor Aishah.

Di-atas pentas itu juga kelihatan dari kiri, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Amat Berhormat Dato Paduka Haji Ibrahim, Puan Lee, Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew, Tuan D. C. White, isteri Dato Paduka dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha.

Senarai penderma hari keputeraan

BANDAR BRUNEI — Jawatan Kuasa Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia yang ke-44 telah menerima sabanyak \$1,717.70 lagi dari para dermawan kerana sumbangan kepada perbelanjaan menjayakan chara2 perayaan yang telah diadakan.

Dari senarai yang di-terima sa-takat ini menunjukkan bahawa banyak lagi pejabat2 dan sharikat2 yang telah memberi sumbangan belum lagi menyatakan jumlah yang di-dermakan oleh sa-saorang.

Nama para penderma akan di-siarkan apabila senarai2 itu di-terima.

Penderma2 dalam senarai ini ada-lah seperti berikut:

State Forest Department, \$12.50; Nasar bin Puasa, \$18.35; State Auditor, \$21.50; A. Rahim bin Andor, \$12.00; Haji Safar bin O.K. Talip, \$11.50; State Chamber of Commerce, \$300; Pengiran Anak Metassan, \$12.00; Bakar bin Kassim, \$8.30.

Jawatan Luar Haji Abdullah,

\$4.50; Pengiran Haji Buntar bin P. Sulaiman, \$10.00; Public Works Department, \$137.00; Dato Setiawan Haji Tinggal, \$18.00; Radio Brunei, \$17.50; Dato Mahawangsa M. Sulaiman, \$7.40; Pengiran Ahmad bin Pengiran Damit, \$9.50; Haji Ahmad bin Laksamana, \$16.50.

Taha bin Taram, \$36.00; Pengiran Kalong, \$8.00; Kamis bin Bongsu, \$15.40; Puasa bin Mohamed, \$12.30; Pengiran Haji Tengah, \$17.60; O.K. Bandar Mohamed Dayang, \$41.55; Karim bin Kamis, \$17.40.

Pengiran Damit bit Pengiran Kahar, \$31.00; O.K. Haji Alam Besar, \$15.70; Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Metassan, \$43.00; Wong Brothers, \$500; Haji Abdullah bin Othman, \$17.50.

Panglima Asgar, \$12.90; Pengiran Haji Zainal, \$17.20; Kahar bin Sarail, \$5.00; Awang Jumat bin Jamaluddin, \$8.00; Pengiran Apong, \$78.50; State Surveyor, \$15.60; Pehin Si-Raja Khatib, \$15.00; Pengiran Kahar, \$22.00; Mat Rais bin Jaya, \$10.00.

Pateh Haji Tengah, \$9.50; Tuan Imam Haji Metassim, \$30.20; Pehin Penyurat Haji Hashim, \$11.00; Ahad bin Raman, \$10.70; Khatib Haji Momin \$5.00; Customs, \$55.00; Controller of Pensions, \$2.25.

Pehin Perdana Indera Haji Zainal, \$8.25; Kassim bin Othman, \$15.90; Pehin Khatib Moxsin, \$4.00; O.K.K. Haji Tahir, \$6.50; Mudim Haji Bakar, \$4.00.

GAMBAR2 LAWATAN KETUA NEGARA SINGAPURA



Inche Yusof bin Ishak dan Perdana Menteri Singapura Tuan Lee Kuan Yew melawat mesjid Omar Ali Saifuddin. Mereka telah di-sambut oleh Pengiran Muda Kamaluddin, Setiausaha Pejabat Ugama, Brunei.



Inche Yusof bersalaman dengan pegawai2 kanan kerajaan dan ahli2 majlis mesuarat sa-belum menaiki kapal terbang balek ka-Singapura pada petang 25 September.



Inche Yusof dan rombongan-nya telah melawat kawasan padang minyak Seria pada 22 September. Dalam gambar ini kelihatan isteri-nya, Puan Noor Aishah dan Toh Puan Lim Yew Hock bergembira di-bilek pameran Shell.

3 perlawanan sukan

BANDAR BRUNEI — Tiga perlawanan sukan antara sekolah Melayu telah di-langsungkan di-sini baharu2 ini. Perlawanan pertama telah di-adakan sa-bagai satu acara menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia.

Perlawanan kedua ia-lah antara murid2 sekolah2 Bandar Brunei dan kawasan luar bandar.

Perlawanan ketiga ia-lah antara johan2 dalam perlawanan pertama dan kedua.

INCHE YUSOF HADHIRI TEMASHA

BANDAR BRUNEI—Duli Yang Maha Mulia dan Yang di-Pertuan Negara Singapura, Yang Terutama Inche Yusof bin Ishak telah hadir di-temasha lumba perahu yang telah di-adakan di-Bandar Brunei pada 25 September yang lalu.

Temasha lumba perahu itu telah di-adakan sa-bagai salah satu acara sambutan hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia.

Perlumbaan itu di-adakan di-Sungai Brunei pada sa-panjang hari tersebut dan di-saksikan oleh ramai penduduk2 negeri serta juga para pelawat dari luar negeri.

Berbagai2 perlumbaan perahu berkayoh dan perahu motor sangkut telah di-adakan dengan mendapat sambutan yang baik dari orang ramai

Pasokan Pejabat Laut (Marine) telah berjaya memenangi perlumbaan berkayoh antara pejabat2 kerajaan dan sa-kali lagi mendapat hadiah Perisai Pusingan yang di-hadihkan oleh Sharikat Brunei Lighterage.

Ini-lah kali yang kedua berturut2 Pejabat Laut itu memenangi perlumbaan antara Pejabat2 Kerajaan.

Gelaran naib johan dalam perlumbaan itu di-menangi oleh Pejabat Istana dan di-turut oleh Pejabat Perubatan.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha telah me-

nyampaikan hadiah2 kepada pasokan2 yang berjaya dalam temasha tersebut.

LAWATAN PAKAR KESIHATAN

BANDAR BRUNEI. — Saorang pakar dari Pertubuhan Kesihatan Dunia (W.H.O.) Dr. G.R. Wadsworth, Penasihat bagi kawasan Barat Pacific telah melawat ka-Brunei sa-lama tiga hari mulai 28 September.

Dr. Wadsworth datang ka-sini kerana membincangkan soal kematian bayi yang telah di-kemukakan oleh wakil Brunei Dr. Abdul Wahab bin Ariff, di-persidangan W.H.O. di-Manila baharu2 ini.

Sa-lama berada di-Brunei Dr. Wadsworth telah menghadiri persidangan sister2 kesihatan yang di-langsungkan di-Kuala Belait pada 29 September.

Dalam persidangan itu jagaan dan kesihatan ibu dan kanak2 telah juga di-bincangkan.

TITAH HARI KEPUTERAAN DULI YANG MAHA MULIA

"Beta mengucapkan sa-tinggi terima kasih atas kehadiran tuan2 sakalian di-sini pada pagi ini kerana bersama2 meraikan perayaan hari keputeraan beta ke-44, terutama sa-kali beta dengan sukachita mengalu2kan kedatangan Yang Terutama Yang di-Pertuan Negara Singapura, Inche Yusof bin Ishak, isteri-nya Puan Noor Aishah, Perdana Menteri Singapura, Inche Lee Kuan Yew serta Puan Lee.

"Demikian beta juga mengalu2kan kembali-nya balek ka-Brunei Yang Terutama Tuan D.C. White, ia-itu Tuan Pesuruh Jaya Tinggi bagi Negeri Brunei.

UCHAPAN SHUKOR

"Beta juga dengan sukachita mengalu2kan kedatangan dhaf2 dari Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura yang telah sudi datang menghadhiri perayaan ini.

"Beta mengucapkan shukor serta terhutang budi kerana menerima lempah kasih daripada beberapa ucapan2 tahniah yang telah di-sampaikan pada pagi ini. Terutama-nya beta mengucapkan terima kasih beta kepada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha atas pengakuan ta'at setia-nya dan bagi pehak menteri2.

"Beta juga dengan amat sukachita mendengarkan dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana pengakuan ta'at setia-nya tentang perkhidmatan awam kepada kerajaan dan Negeri Brunei.

AKUAN SETIA

"Dengan perasaan yang sukachita elok-lah kita semua bershukor serta mengata Al-hamdulillah di-atas maju-nya perlembagaan buat menentukan pemerintahan Kerajaan Brunei yang berchorak demokrasi.

"Kapada Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi, beta mengucapkan terima kasih atas

Pada 23 September yang lepas ini ra'ayat Brunei telah bergembira menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia yang ke-44 dengan mengadakan berbagai2 perayaan diseluruh negeri.

Di-Bandar Brunei, Kuala Belait dan Tutong perbarisan pasokan pulis dan pasokan2 sukarela telah di-adakan. Pada malam 23 September itu malam aneka warna pula telah disaksikan oleh ra'ayat di-bandar2 tersebut.

Istiadat menyambut hari keputeraan itu berkisar di-istiadat menyampaikan titah di-Balai Indra Buana di-Istana Darul Hana pada pagi hari tersebut.

Dalam istiadat yang di-hadhiri oleh tetamu agong dari Singapura, ia-itu Yang Terutama Yang di-Pertuan Negara Singapura, Inche Yusof bin Ishak, Duli Yang Maha Mulia telah bertitah supaya "perhubungan baik yang telah sedia ada di-antara kita semua di-Brunei dan orang2 lain negeri akan berkembang."

Titah baginda sa-penoh-nya ada-lah saperti berikut:

uchapan tahniah tuan bagi pehak Baginda Queen.

"Tuan2 ra'ayat sakalian.

"Pada ketika yang sa-rupa ini ada-lah tersangat elok jika sakira-nya di-fikirkan di-atas perkara2 yang telah lalu dan melimpahkan buah fikiran kita semua ka-masa yang akan datang. Brunei ada-lah di-kenali atau terkenal sa-bagai satu tempat yang aman dan damai, dan kita berdoa kepada Tuhan moga2, akan berkekalan dan mudah2an kita akan dapat meraih kurnia rahmat Tuhan ka-atas negara Brunei ini.

PEMBANGUNAN

"Dalam dunia moden ini, keamanan dunia dalam sa-buah negeri itu bukan sahaja bergantung kapada perasaan saling mengerti dan perasaan muhibbah di-antara orang ramai dari negeri, dengan orang2 daripada lain2 negeri.

"Dalam beberapa tahun yang baharu lalu pembangunan atas kemewahan Negeri Brunei yang begitu lekas telah menarek2 orang2 dari negeri tetangga yang datang berkhidmat di-dalam lapangan perniagaan dan lain2, sa-umpama perusahaan

dan juga dalam perkhidmatan awam. Beta harap perhubungan baik yang telah sedia ada, di-antara kita semua di-Brunei dan orang2 lain negeri akan berkembang.

"Sekarang sudah sa-tahun lama-nya semenjak beta mengishtiharkan perlembagaan negeri Brunei yang mengadakan rangka kerajaan sa-chara atau yang berchorak berdemokratik. Beta telah menyatakan dalam perlembagaan itu bahawa pemilihan atau pilihan raya dalam masa dua tahun dari tarikh di - ishtiharkan perlembagaan itu.

"Pada hari ini beta rasa sukachita menyatakan bahawa kerajaan telah pun membuat persediaan2 yang perlu untuk membolehkan pemilihan di-adakan pada satu masa dalam tahun hadapan. Ini jika dengan izin Tuhan ia-lah satu langkah untuk maju ka-hadapan dalam lapangan politik dan kemajuan perlembagaan negeri ini.

BUAT PERSEDIAAN

"Kita hendak-nya bershukor kapada Tuhan yang negeri kita Brunei ada-lah bernasib baik dengan rahmat yang di-churahkan-nya dalam langkah2 besar mengenai kekayaan atau kemewahan yang di-dapati daripada hasil minyak dan kita telah terlepas dari terkena chukai pendapatan.

"Maka hasil ini telah membolehkan kita untuk membuat beberapa ranchangan pada masa yang lalu. Ada-lah perlu bagi kita semua sekarang untuk meranchangkan apa2 ranchangan bagi masa yang akan datang supaya kema'moran dan kebajikan negeri Brunei mudah2an akan dapat menentukan langkah2 yang lebih lagi bermunafakat bagi faedah pada ra'ayat di-masa hadapan.

"Menyebut mengenai ranchangan bagi atau untuk masa yang akan datang, beta dengan sukachita mengingatkan sa-kali lagi

ia-itu dasar atau maksud dan tujuan yang menjadi kewajipan dan tanggung jawab yang mustahak atau penting sa-kali kapada pegawai2 kerajaan dan ahli majlis Meshuarat Negeri dan majlis Meshuarat Kerajaan serta lain2 majlis bahawa tat-kala membentangkan, merundingkan perkara2 di-dalam majlis2 tersebut hendak-lah kita menaruh atau menggunakan perasaan bertulus ikhlas pada memberikan fikiran, chadangan dan nasihat2 yang waras, berguna, berfaedah dan yang mendatangkan munafakat kapada ra'ayat untuk kema'moran dan keamanan Negeri Brunei dan yang utama sa-kali hendak-lah bertolongan2 bantu membantu bermuafakat, menyatukan tujuan dan bersatu tujuan pada memperbaiki, memajukan ugama dan bahasa serta lain2 bagi kebajikan dan kemajuan yang bermunafakat dan berfaedah pada ra'ayat dan untuk keamanan negeri kita Brunei Darus Salam ini.

TULUS IKHLAS

"Kapada tuan2 ra'ayat sakalian.


"Beta dengan perasaan yang tulus ikhlas mengulangi seruan beta kapada tuan2 sa-kali lagi. Sa-bagaimana tuan2 ra'ayat telah memahami-nya bahawa kita sekarang sedang menemupoh pembenaan sedang menuju ka-arrah kemajuan dan kema'moran, dan kita sedang melangkah ka-arrah kehidupan baharu ka-arrah kedaulatan negara.

"Beta perchaya ini ada-lah menjadi chita2 kita ra'ayat yang penoh taat setia di-Brunei ini.

"Negeri kita Brunei ini hannya-lah sa-buah negara yang kecil dan mempunyai penduduk yang sedikit tetapi dengan satu perasaan ikhlas dan jujur insha allah bagi menuju jalan bahagia yang di-redhai Tuhan yang kita chita2kan itu, akan dapat terchapai. Untuk ini, tuan2 ra'ayat sakalian hendaklah menginsafi, kejayaan sa-suatu yang di-dalam idaman atau yang di-idamkan harus dapat di-sempurnakan atas usaha kerjasama, dengan perasaan ikhlas dan bersefahaman.

"Ada-lah menjadi kewajipan kita orang2 atau kaum muslimin bertolong2an, bantu membantu, bermuafakat dan bersatu tujuan di-jalan kebajikan untuk muslimat ramai.

"Beta berdoa kepada Tuhan rabbil 'alamin supaya keamanan dan kesejahteraan akan berkekalan dan mudah2an Tuhan akan menchurahkan rahmat-nya ka-atas kita yang melaksanakan pekerjaan yang berkebajikan yang di-redhai-nya untuk muslimat umum dan samoga kita ra'ayat di-negeri ini akan dapat menekmati-nya."



Duli Yang Maha Mulia memeriksa barisan kehormatan yang terdiri dari anggota pulis Brunei.

Lawatan merintis jalan untuk bekerjasama—M.B.

BANDAR BRUNEI — Menteri Besar Brunei, Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar telah mengalu2kan kedatangan Yang di-Pertuan Negara Singapura, Yang Terutama Inche Yusoff bin Ishak, ka-Brunei dalam satu majlis jamuan negara yang di-adakan di-dewan Civic Centre pada malam 22 September lepas.

Dalam ucapan-nya Dato Paduka telah memuji lawatan itu sa-bagai satu jalan yang akan menambah perhubungan salatul rahim dan muhibbah antara Brunei dengan Singapura.

Lawatan itu, kata Dato Paduka, akan juga membuka jalan untuk mengadakan kerjasama yang lebih rapat dalam beberapa perkara yang sa-rupa yang ada di-kawasan ini.

MENGALU2KAN KEDATANGAN

Dato Paduka berkata:

"Saya dengan perasaan gembira mengalu2kan kedatangan Yang Terutama Yang Di-Pertuan Negara Singapura, Inche Yusoff bin Ishak dan Puan Noor Aishah. Kerajaan serta Negeri Brunei sa-sungguh-nya sangat berbesar hati bahawa Yang Terutama telah menerima jampuan daripada Duli Yang Maha Mulia untuk melawat ka-negeri ini sa-masa menyambut perayaan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia.

"Kami semua tersangat gembira memberi kehormatan kepada Ketua Negara ia-itu sahabat dan jirankita, Negeri Singapura.

"Kami juga berbesar hati bahawa Inche Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura dan Puan Lee yang telah menerima jamputan dari Kerajaan Brunei untuk mengadakan lawatan ka-negeri ini.

"Kami semua ketahui bagaimana-kah sibok-nya Inche Lee ini dengan urusan-nya di-Singapura dan yang kami semua sangat sukachita bahawa beliau dapat mengurbankan masa untuk melawat ka-Negeri ini.

"Kapada Perdana Menteri dan Isteri-nya yang rupawan kami ucapkan selamat datang.

MELIHAT DAN MEMPELAJARI

"Kami berharap masa lawatan Inche di-sini Inche akan dapat melihat dan mempelajari serba sedikit berkenaan dengan Negeri Brunei dan ra'ayat-nya.

"Lawatan Inche dengan tidak shak lagi akan mengkokohkan tali muhibbah dan saling mengerti di-antara Negeri Brunei dan Negeri Singapura serta akan membantu merintis jalan ka-arah kerjasama yang lebih besar lagi dalam beberapa perkara yang sa-rupa yang ada pada kita dalam kawasan ini.

"Kami hendak memberi penghormatan kami terutama sa-kali kepada pimpinan Perdana Menteri Inche Lee Kuan Yew yang "Terutama sa-kali kami mem-perhatikan bahawa Kerajaan

Singapura telah membuat per-bandal dan rakan2 yang telah menjayakan-nya. chubaaan dengan sa-sungguh-nya untuk mengembangkan bahasa Melayu.

"Kita semua menduduki di-kawasan di-mana bahasa Melayu boleh di-katakan menjadi bahasa Kebangsaan kawasan. Perkembangan bahasa ini dengan tidak shak lagi akan merapatkan lagi negeri Singapura dengan lain2 negeri yang berbahasa Melayu.

"Sa-kali lagi saya suka mengucapkan bagi pihak Kerajaan Negeri Brunei betapa ria-nya kami mengalu2kan tuan Yang Terutama dan Inche Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura ka-Brunei.

"Tuan Yang Terutama telah memberi kehormatan yang amat besar kepada kami kerana inilah kali yang pertama tuan melawat dengan rasmi-nya ka-seberang laut semenjak tuan dilantek menjadi Yang Di-pertuan Negara Singapura.

"Kami berharap lawatan tuan yang pendek ini adalah sangat2 gembira dan ria dan tuan akan membawa balek oleh2 dengan perasaan riang yang susah hendak di-lupakan."

UCHAPAN PERDANA MENTERI S'PURA

Ucapan itu telah di-balas oleh Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew.

"Saya merasa bahawa kunjungan saya ka-Brunei sa-bagai tetamu pihak tuan, ada-lah satu kegembiraan dan kehormatan yang tinggi bagi diri saya.

"Saya dan isteri saya telah merasa nikmat keindahan Brunei dan kami merasa besar hati terhadap Paduka Baginda Sultan Brunei dan juga terhadap tuan atas kemurahan hati dan layanan istimewa yang di-berikan kepada kami.

"Tuan beruntung sa-kali menjadi Menteri Besar dalam sa-buah negeri yang menurut bilangan penduduk-nya ada-lah negeri yang paling kaya di-benua Asia.

"Minyak yang merupakan rahmat kurniaan Tuhan yang maha kuasa kepada Negeri Brunei mewasiatkan kepada ra'ayat yang berjumlah 85,000 jiwa itu, satu kekayaan yang tidak pernah terlintas dalam impian maanusia.

FAEDAH PENSION

UNTUK ORANG TUA

"Negeri tuan ada-lah negeri yang tunggal di-Asia yang mengadakan faedah pension untuk orang2 tua; tambahan pula pembayaran pension tersebut tidak berasaskan kepada sumbangan wang ra'ayat.

"Sudah termashhor bahawa kalau pun perusahaan minyak di-rentikan esok, namun faedah2 dari kekayaan Brunei yang sudah terkumpul itu pun sudah cukup untuk menjalankan segala pentadbiran negeri dengan tidak perlu mengenakan cukai kepada ra'ayat.

"Oleh yang demikian, harap di-maafkan sa-kira-nya saya telah menyuarakan sedikit rasa irihati terhadap kedudukan tuan yang bertuah itu.

"Di-Singapura kami tidak ada harapan untuk menjumpa perigi2 minyak, dan tidak pula ada jalan yang mudah untuk mendapatkan kekayaan. Bagitu pun, ada satu keuntongan bagi kami, ia-itu kami mempunyai pusat perdagangan yang paling maju disertai pula dengan perhubungan dengan pusat2 perniagaan dan perdagangan yang lain dalam dunia.

"Sa-lain daripada itu kami mempunyai kecekapan technical yang agak tinggi taraf-nya dan ra'ayat yang rajin bekerja. Andaikata kemudahan2 untuk lathan technical atau kemudahan2 lain yang kami punyai itu, dapat membantu pihak tuan maka dengan segala senang hati saya suka hendak memberi tahu kepada tuan bahawa kami sedia menghulorkan apa2 pertolongan yang di-hajati.

QUEEN MUNGKIN MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI—Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei Yang Terutama Tuan D. C. White telah membayangkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen mungkin melawat ka-Brunei apabila lawatan itu dapat di-atorkan kelak.

Janji itu telah di-beri sa-telah jamputan Duli Yang Maha Mulia kepada Baginda Queen disampaikan oleh Tuan White sa-masa beliau mengadap Baginda Queen di-Istana Buckingham, London baharu2 ini.

Ini telah di-terangkan oleh Tuan White dalam ucapan tahniah-nya kepada Duli Yang Maha Mulia dalam istiadat menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana pada 23 September lepas.

Tuan White berkata:

"Duli Tuanku,

"Saya berbahgia besar pada hari ini dapat menyampaikan kepada Duli Tuanku tahniah2 saya yang tulus ikhlas pada hari keputeraan Duli Tuanku dan ucapan selamat saya bagi masa hadapan.

"Hari ini ia-lah ke-empat kalinya yang saya berbahgia dapat menghadhiri perayaan hari keputeraan Duli Tuanku, dan dalam empat tahun yang lalu banyak perubahan2 besar telah berlaku kemajuan yang luas di-jalankan di-bawah pimpinan Duli Tuanku.

Ketika saya berada di-London baharu2 ini saya telah berpeluang mengadap Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen. Baginda Queen telah memerintah saya menyampaikan ucapan baik Baginda kepada Duli Tuanku dan juga keluarga Tuanku.

"Dengan perintah Duli Tuanku saya telah menyampaikan ka-

(Lihat muka 8)



Duli Yang Maha Mulia bangun memberi minum selamat kepada Inche Yusoff bin Ishak dan isteri-nya Puan Noor Aishah.

240 gambar di-pamerkan dalam peraduan

BANDAR BRUNEI. — Peraduan Lukisan dan Gambar antara beberapa peraduan kerana menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia ke-44 telah berlangsung di-Civic Centre di-sini mulai pada 23 hingga 25 September lepas, dengan mendapat kunjungan pada siang hari dan malam.

Lebih 240 keping lukisan2 dari pelukis2 di-tanah ayer yang terdiri dari orang awam dan murid2 sekolah yang mengambil bahagian dalam peraduan tersebut telah di-pamerkan mengikut bahagian2 tertentu: ia-itu;

◆ Lukisan pemandangan chat minyak, chat ayer dan pensil.

◆ Poster.

◆ Lukisan orang2 mashhor — dengan chat dan pensil, dan

◆ Bunga2 dan buahan2 — dengan kapor.

Keputusan2 peraduan tersebut ada-lah seperti berikut :...

Peraduan Terbuka Pemandangan-dengan chat minyak dime-

nangi oleh Koh Bun Ming, Sekolah Menengah China, Brunei (1), Lee Chi Hin, Leong Brother, Seria (2) dan A.B. Shidek, Seria (3).

Lukisan Pemandangan-dengan chat ayer di-menangi oleh Md. Yaman bin Besar, P.W.D. Drawing Office, Brunei (1), Abd. Jalil bin Abd. Rahman, S.M.J.A., Brunei (2) dan Basuni bin Ja'afar, Pejabat Perubatan Brunei (3).

Lukisan Pemandangan dengan

pensil di-menangi oleh Md. Yaman bin Besar, P.W.D. Drawing Office, Brunei (1), Md. Sulaiman bin Idris, Information Dept. B.S.P. Seria (2) dan Yahya bin Ahmad, S.M.J.A., Brunei (3).

LUKISAN POSTER

Lukisan Poster di-menangi oleh Md. Saleh bin Ibrahim, S.O.A.S. College (1), Abd. Jalil bin Abd. Rahman S.M.J.A., Brunei (2) dan Naim Muhammad, S.M.J.A., Brunei (3).

Lukisan Orang2 Mashhor—dengan pensil di-menangi oleh Md. Sulaiman bin Idris, Information Dept., B.S.P. Seria (1) Basuni bin Ja'afar, Pejabat Perubatan, Brunei (2) dan Awangku Bakar bin Pengiran Metassan, Pejabat Perubatan, Brunei (3).

MURID2 SEKOLAH

Peraduan kepada murid2 Sekolah — Pemandangan-dengan chat minyak — di-menangi oleh Awangku Asmali P. Ahmad, S.O.A.S. College, Brunei (1), (2) dan (3).

Pemandangan-dengan chat ayer di-menangi oleh Awangku Asmali bin P. Ahmad, S.O.A.S. College, Brunei (1), dan (2) dan Mornee bin Sanai, Anthony Abell College, Seria (3).

Pemandangan - dengan pensil di-menangi oleh Awangku Asmali bin P. Ahmad, S.O.A.S. College, Brunei (1) dan (2) dan Naim bin Muhammad, S.M.J.A. Brunei (3).

ORANG2 MASHHOR

Lukisan Orang2 Mashhor—dengan pensil di-menangi oleh Md. Salleh bin Ibrahim, S.O.A.S. College, Brunei (1), (2) dan (3).

Lukisan Orang Mashhor—dengan pensil di-menangi oleh Md. Salleh bin Ibrahim (1) dan (2) dan Emran Umar, B.T.T. College, Brunei (3).

Peraduan Gambar2 di-menangi oleh Mrs. Rose Mary Wong, Seria (1), Mr. Bernard Wong, Seria (2) dan Mr. John Soon, B.S.P. Hospital, Kuala Belait (3).

PEGAWAI IMIGRESHEN



Inche Ja'afar bin Haji Daud sa-orang penolong pengelola imigreshen yang baharu balek dari United Kingdom sa-telah berlatih di-sana beberapa bulan.

JOHAN PANCHAK SILAT

BANDAR BRUNEI. — Inche' Yahya bin Metusin, Johan Panchak Silat Jajahan Brunei telah memenangi gelaran Johan Panchak Silat Sa-Negeri Brunei dalam peraduan panchak silat yang berlangsung di-Istana Darul Hana baharu2 ini sa-bagai salah satu acara perayaan Selamat Degahayu Duli Yang Maha Mulia Ke-44.

Inche' Darum bin Parmo Yusuf, Johan Kuntau Daerah Tutong telah memenangi gelaran Johan Kuntau Sa-Negeri Brunei dalam peraduan tersebut sa-iring dengan peraduan panchak silat itu.

GELARAN JOHAN

Peraduan merebut gelaran Johan Panchak Silat Sa-Negeri Brunei itu telah di-ambil bahagian antara Inche' Yahya bin Metusin dari Brunei dengan Inche' Taha bin Tasim dari Tutong yang berkesudahan Inche' Yahya bin Metusin memenangi gelaran Johan Panchak Silat Sa-Negeri Brunei.

ACHARA2 DALAM MALAM ANEKA WARNA HARI KEPUTERAAN

BANDAR BRUNEI. — Malam Aneka Warna salah satu acara perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan ke-44 telah berlangsung tiga malam berturut2 mulai pada 23 September lepas, di-Padang Bandar Brunei.

Ketiga2 malam itu sa-lain di-adakan sandiwara oleh Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei dan Workshop Jabatan Kerja Raya dengan cerita masing2 Dayangku Fatimah dan Perang Melaka, perayaan itu juga di-penohkan dengan peraduan2 nyanyi murid2 sekolah, orang2 dewasa, orang yang bukan Melayu, pakaian beragam, wayang China, panchak silat, ronggeng dan lain2.

Sandiwara Dayangku Fatimah, menceritakan sa-lingkar sejarah negeri Brunei di-zaman purba kala.

Sandiwara Perang Melaka pula membayangkan zaman Kerajaan Melaka berjuang mempertahankan kemasokan Portugis.

Ketiga2 malam Aneka Warna itu penuh sesak dengan para penonton lelaki dan perempuan.

Sa-lain dari bandar, keramaian tersebut telah juga mendapat kunjungan orang2 dari Belait dan Seria. Ini, kerana jalan2 raya telah baik dari tahun2 yang lalu.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Mohamed, kepada peserta2 yang berjaya dalam pe-

raduan2 tersebut pada malam 25 September.

Pemenang2 dalam peraduan2 malam aneka warna itu ada-lah seperti berikut :—

Peraduan Menyanyi Kanak2 Lelaki2 Melayu di-menangi oleh A.B. Sahari (1), Awangku Zaidi bin Pengiran Damit (2) dan Ramli bin Awang Tengah (3).

Peraduan Menyanyi Kanak2 Perempuan Melayu di-menangi oleh Huzaimah binti M. Ali Tammin (1), Meriam binti Daud (2) dan Rokiah binti Mat (3).

Peraduan Menyanyi Orang2 Dewasa Melayu di-menangi oleh Zulkifle Kadir (1), Moris Mayalin (2) dan Awangku Emran (3).

Peraduan Menyanyi orang2 Dewasa Perempuan Melayu di-menangi oleh Asiah binti Awang Sirat (1), Aisah binti Awang Tengah (2) dan Dayangku Rosini (3).

Peraduan menyanyi orang dewasa lelaki yang bukan Melayu telah di-menangi oleh Lau Chong Yan (1) Lim Chin Thien (2) dan Lee Eng Lee (3).

Peraduan Menyanyi Orang2 Dewasa Perempuan Bukan Melayu di-menangi oleh Miss Gracy Keasbery (1), Miss Fong (2) dan Miss Veronica Chihuh (3).

Peraduan Pakaian Beragam di-menangi oleh Awangku Asmali (1), Mrs. Mary Li (2) dan Awang Abdul Rauf Omar (3).

Peraduan perarakan

BANDAR BRUNEI. — Workshop Jabatan Kerja Raya telah menggundol gelaran johan dalam suatu peraduan perarakan Kerita Berhias pada 23 September lepas sa-bagai salah satu perayaan menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia.

Naib Johan di-menangi oleh Pejabat Ukur dan Pejabat Pelajaran telah memenangi hadiah yang ketiga.



Tuan D. C. White, kiri, mengucapkan selamat belayar kepada Dato Billeloch.

Belait 3, Brunei 1 dalam perlawanan hokey

BANDAR BRUNEI — Daerah Belait telah mengalahkan Daerah Brunei dengan tiga gol berbalas satu dalam satu perlawanan hokey yang hebat di-Padang Bandar Brunei baharu2 ini.

Perlawanan itu telah di-adakan sa-bagai salah satu achiara sambutan hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia dan di-saksikan oleh ramai penggemar2 permainan hokey.

Christopher Koh telah menjaringkan gol yang pertama bagi pasukan Belait sa-puluh minit sa-telah perlawanan di-mulai.

Kira2 tiga minit kemudian sayap kiri pasukan Brunei, Awangku Radin telah berjaya menembus masuk ka-dalam kubu pertahanan pasukan Belait dan menjaringkan satu gol.

Gol yang di-jaringkan oleh Awangku Radin itu telah tidak di-akui oleh kedua2 orang pengadil perlawanan itu oleh kerana Awangku Radin telah membuat kesalahan pada masa memukul bola.

Tidak berapa lama kemudian sayap kanan pasukan Belait, Othman Wahab telah menjaringkan gol yang kedua bagi pasukan-nya.

Sa-belum tamat pertengahan yang pertama, Norman Vowles menjaringkan satu gol bagi pasukan Brunei.

Pada masa pertengahan yang pertama pasukan Daerah Belait mendapat dua gol, manakala pasukan Daerah Brunei mendapat satu gol.

Lima minit sa-telah perlawanan itu di-sambong sa-mula, Christopher Koh telah sa-kali lagi men-

jaringkan satu gol bagi pasukan Daerah Belait.

Semenjak masa itu pemain2 pasukan Daerah Brunei telah bermain dengan bersungguh2 lagi untuk menjaringkan gol2 yang mereka menunggu bagi mengalahkan pasukan Daerah Belait.

Bagaimana pun, chita2 pasokan tempatan telah tidak berhasil dan perlawanan itu di-akhiri dengan pasukan Daerah Belait mengalahkan pasukan Daerah Brunei tiga gol berbalas satu.

Sayugia di-sebutkan bahawa hujan telah mencurah turun pada masa pertengahan perlawanan itu dan beberapa orang pemain kelihatan kerap kali tergelincir jatuh.

Tidak berapa lama sa-belum perlawanan itu tamat, Christopher Koh dari pasukan Daerah Belait dan Jeevaratnam pemain dari Daerah Brunei terpaksa meninggalkan padang kerana mereka tercedra.

Yang Berhormat Dato Setia Marsal bin Maun, Timbalan Setia Usaha Kerajaan telah menyampaikan Perisai Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia kepada pasukan hokey Daerah Belait yang menjadi johan dalam perlawanan tersebut pada petang hari itu juga.

BRUNEI HANTAR TIGA WAKIL KA-SUKAN NEGERI2 MELAYU

BANDAR BRUNEI — Tiga orang ahli2 sukan yang terkanal di-negeri ini telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini untuk mengambil bahagian dalam pertandingan sukan antara beberapa buah negeri di-sana.

Pertandingan sukan itu telah di-adakan di-Pulau Pinang mulai pada 1 October.

Wakil2 dari Negeri Brunei yang telah berangkat ka-sana untuk bertanding dalam pertandingan sukan itu ia-lah K.C. Mathews, Zunaidi Hamdan dan George Chong.

Sinin Metali dan Puan Clare Sibidol yang telah di-pilih terlebih dahulu untuk mewakili negeri ini telah tidak berlepas ka-Malaya oleh kerana beberapa sebab yang telah tidak dapat di-elak-

K.C. Mathews, ketua pasukan Brunei telah membuat satu rekod yang bersejarah dalam pertandingan sukan seluruh kawasan Borneo pada pertengahan bulan July tahun ini di-Jesseltown manakala ia berjaya memenangi lumba lari sa-jauh suku batu dengan mengambil masa 52.8 sa'at dan menciptakan rekod yang baharu.

Mathews telah di-pilih untuk mewakili Negeri Brunei dalam

perlumbaan lari suku batu dan lumba lari lompat pagar sa-jauh suku batu juga.

Zunaidi Hamdan pula telah di-pilih mewakili Negeri Brunei dalam perlumbaan lari 220 ela dan 100 ela serta lompat jauh.

George Chong, sa-orang lagi wakil Brunei ka-pertandingan sukan di-Pulau Pinang, telah di-pilih mengambil bahagian dalam pertandingan lompat bergalah.

20 AHLI SUKAN PULIS KA-SABAH

BANDAR BRUNEI — Sa-rombongan dua puluh orang anggota2 Pasokan Pulis dari Bandar Brunei akan berangkat ka-Borneo Utara pada bulan ini untuk mengadakan perlawanan2 bola sepak, hokey dan badminton.

Rombongan itu akan berangkat dari Bandar Brunei ka-Jesseltown dengan sebuah kapal Kerajaan Brunei pada petang 12 October dan balek ka-Brunei pada 16 October.

Dalam masa lawatan itu, mereka akan mengadakan perlawanan sa-chara persahabatan dengan pasukan2 pulis dari Borneo Utara.

Ini-lah pertama kali rombongan pulis dari Bandar Brunei berangkat ka-Jesseltown untuk mengadakan perlawanan2 bola sepak, hokey dan badminton dengan pasukan pulis Borneo Utara.

Ada-lah di-jangka juga bahawa pasukan pulis dari Jesseltown pula akan datang ka-Bandar Brunei pada masa hadapan untuk mengadakan perlawanan bola sepak dan sa-bagainya sa-chara persahabatan dengan pasukan pulis tempatan.

Latehan tennis di-Brunei

BANDAR BRUNEI — Persatuan Tennis Brunei akan mendapat sa-orang juruteh Aemrika yang di-jangka sampai di-sini pada 16 October ini.

Beliau ia-lah Tuan Larry B. Ball yang akan memberi pertunjukan dan latehan kepada pemain2 tennis di-Brunei.

Tuan Ball akan berada di-sini sa-lama tiga hari dan akan berangkat ka-Singapura pada 19 October.

Ketua baharu persatuan bola sepak amateur Brunei

SERIA — Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid telah di-pilih menjadi Yang Di-Pertua Persatuan Bola Sepak Amatuer Negeri Brunei dalam meshuarat tahunan yang kedelapan persatuan tersebut yang berlangsung di-Shell Recreation Club di-sini pada 30 September lepas.

Naib Yang Di-Pertua bagi daerah Brunei telah di-pilih Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Muhammad dan Mr. J. P. James telah di-pilih menjadi Naib Yang Di-Pertua bagi daerah Belait.

Sa-lain dari itu meshuarat tersebut juga telah memutuskan:

◆ Menubuhkan satu badan chabang Persatuan Bola Sepak di-da'erah Belait untuk mengawasi dan menjalankan permainan bola sepak; dan

◆ Menentukan ada-nya Badan Agong yang menguasai seluruh pemain2 Negeri Brunei yang ahli2-nya terdiri dari kedua belah pihak Brunei dan Belait dan perwakilan dari Refree Society dan Inter Departmental Football League B.S.P. Co. Seria.

Anggota yang lain yang telah

di-lantek dalam meshuarat tersebut ia-lah:

Setia Usaha, Tuan R.G. Clark; Penyimpan Wang, Tuan Shim Soo Kong; Ahli2 Jawatan Kuasa, Tuan Robert, Inche' Aziz Malim Tuan Johnson, Tuan H.L. Fisher dan Inche M.L. Murni.

Keputusan hokey

BANDAR BRUNEI — Pasokan Bandar Brunei telah mengalahkan Pasokan Kapal Perang H.M.S. Alert dengan dua gol berbalas satu dalam satu pertandingan hokey sa-chara persahabatan di-Padang Bandar Brunei baharu2 ini.

Idris dan Nathan telah menjaringkan gol2 tersebut bagi pasokan tempatan, manakala Davy menjaringkan gol yang tunggal bagi pasukan kapal perang tersebut.



Suatu majlis jamuan negara telah di-adakan di-dewan Civic Centre pada petang 22 September kerana meraikan Yang Di-Pertuan Negara Singapura, Inche Yusof bin Ishak. Dalam gambar ini kelihatan Menteri Besar Brunei, Dato Paduka Haji Ibrahim, berucap mengalu2kan kedatangan Inche Yusof.

Khrushchev na' pechat Setia Usaha Agong P.B.B.

NEW YORK.—Perdana Menteri Soviet Tuan Nikita Khrushchev telah menandatangani supaya Setiausaha Agong Bangsa2 Bersatu, Tuan Hammarskjöld di-gantikan dengan satu jawatankuasa kerja sa-dunia yang mengandungi tiga orang ahli.

Chadangan ini telah di-buat dalam satu bidang yang memeranjatkan yang boleh di-katakan telah memperkecilkan lain2 chadangan mengenai perlucutan senjata sa-dunia dan mengakhiri penjajahan dengan serta merta.

Beliau juga telah meminta Persidangan agong itu memberi pertimbangan supaya memindahkan Bangsa2 Bersatu ka-Switzerland, Austria atau ka-Moscow.

Setiausaha Agong yang berumur 55 tahun itu telah mendengar bidang itu dengan muka yang tidak berubah tatkala Tuan Khrushchev membayangkan bahawa kerajaan Soviet harus tidak akan mengindahkan beliau di-masa hadapan jika beliau tidak di-bertentikan dari jawatan-nya.

Tuan Khrushchev tatkala membidas atas chara2 Tuan Hammarskjöld mengendalikan pertelingkahan di-Congo telah juga menuduh Setiausaha Agong itu menyelubungi pehak penjajah dan mengumumkan bahawa ini ada-lah satu "perkara yang sangat merbahaya".

Dalam satu ucapan yang mengandungi 12,000 perkataan dan

TAHNIH DARI SETIAUSAHA

(Dari muka 5)

pada Baginda Queen satu jemputan melawat Brunei, dan sebagai yang Duli Tuanku sedia ma'alum, Baginda Queen telah sangat2 sukachita atas jemputan itu dan saya tahu Baginda berharap dapat melawat Brunei ini apabila dapat di-atorkan lawatan sa-demikian.

"Saya juga di-sini ada satu ucapan sendiri daripada Setia Usaha Tanah2 Jajahan bagi Baginda Queen seperti berikut:—

"Pada hari perayaan menyambut hari keputeraan Tuanku maka saya sangat2 sukachita menyampaikan kepada Duli Tuanku sa-tinggi2 tahniah dan ucapan selamat saya supaya berkecambah kegembiraan dan kemakmoran Duli Tuanku dan ke-luarga Tuanku dan ra'ayat Brunei."

"Akhir nya saya suka menyatakan kepada Tuanku kegembiraan saya berada kembali di-Brunei ini di antara sahabat handai yang ramai pada hari perayaan ini.

"Saya berdo'a Duli Tuanku akan sentiasa berada dalam kesihatan dan kegembiraan di-masa hadapan untuk memimpin ra'ayat Brunei dengan aman dan ma'mor dalam dunia yang sentiasa mengalami kesusahan dan perubahan ini."

mengambil masa dua jam Tuan Khrushchev telah juga menandatangani supaya di-adakan perlucutan senjata sa-dunia mulai dari roket2 hingga ka-senapan2 dengan beransor2 dan juga supaya memberi kemerdekaan kepada semua tanah2 jajahan dengan serta merta.

Chadangan perlucutan senjata-nya yang mengandungi tiga peringkat telah mengusulkan supaya menghapuskan semua senjata2 nuklear yang ada sekarang dan juga memberhentikan pengeluaran-nya, kemudian mengharumkan sama sa-kali senjata2 nuklear, kimia, hama dan lain2 senjata yang boleh menjahanamkan sa-chara berbesaran dan mengurangkan pasokan tentera dan senjata dan akhir-sakali menghapuskan sama sa-kali semua pasokan tentera dalam semua negeri dengan chuma meninggalkan sajumlah pasokan yang terhad dengan di-lengkapi oleh senjata2 api yang ringan untuk menjaga keselamatan dalam negeri.

Mengenai penjajahan, Tuan Khrushchev telah memajukan satu perisytiharan kemerdekaan.

Beliau menandatangani supaya ahli2 Bangsa2 Bersatu mendesak supaya di-beri kemerdekaan dengan serta merta kepada semua tanah2 jajahan dan menghapuskan semua pemerintahan penjajahan.

Beliau juga menandatangani supaya menghapuskan semua kubu2 penjajahan yang berupa hak kepunyaan dan kawasan2 pajak gada di-kawasan2 lain2 negeri.

Mengenai Negeri Jerman, Tuan Khrushchev berkata bahawa kerajaan-nya bersedia menunggu penyelesaian mengenai soal Berlin. Russia akan menchari jalan untuk satu persetujuan atas Perjanjian Perdamaian Jerman di-persidangan kemunchak nanti yang telah chadangkan oleh Russia dalam beberapa bulan lagi.

Ramai sidang perwakilan telah bertepok tatkala Tuan Khrushchev mengakhiri ucapan-nya. Setiausaha Negara Amerika, Tuan Herter dan Setiausaha Luar British, Lord Home telah tidak bertepok.

FIKIRAN PERDANA MENTERI

SINGAPURA. — Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew telah berkata di-sini bahawa beliau fikir ada-lah lebih baik bagi negeri2 di-kawasan yang berhampiran dengan Singapura bersatu padu.

Beliau telah membuat pengumuman ini di-satu persidangan akhbar di-sini sa-kembali-nya dari lawatan beliau ka-Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Tatkala mengesahkan lagi pengumuman dari segi ekonomi, beliau menambahkan bahawa beliau tidak membincangkan perkara2 perpaduan politik dengan sa-barang negara yang telah di-lawati-nya.

Sa-bagai mithalan beliau menunjukkan kepada pemakaian mata wang yang sama di-dalam empat2 buah negeri dan berkata bahawa ada-lah mendatangkan faedah jika perpaduan itu di-buat sa-chara ekonomi yang lebih luas lagi.

Yang di-Pertuan Agong baharu Persekutuan Tanah Melayu

KUALA LUMPUR. — Raja Perlis Tuanku Syed Putra ibni Al-marhum Syed Hassan Jamalullail, telah mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertuan Agong ketiga Persekutuan Tanah Melayu dengan Sultan Trengganu, Tuanku Ismail Nasiruddin Shah ibni Al-marhum Sultan Zainal Abidin sa-bagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Istiadat itu telah di-adakan kira2 lima jam sa-lepas pemilihan Duli2 Yang Maha Mulia itu

dalam persidangan Raja2 Melayu di-Istana Negara.

Istiadat mengangkat sumpah itu di-adakan di-Balai Rong Seri dengan di-saksikan oleh Raja2 Melayu yang lain, Hakim Besar, Yang di-Pertua Dewan Negara, Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman, Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak, Menteri2 Besar dan Ketua2 Menteri.

Seri Paduka Baginda dengan suara yang terang kemudian membacakan sumpah-nya :

"Kami Syed Putra ibni Al-marhum Syed Hassan Jamalullail, Yang di-Pertuan Agong bagi Persekutuan Tanah Melayu bersumpah dengan melafazkan :

"Wallahi; Wallahi; Wallahi.

Maka dengan lafaz ini berikrarlah kami dengan sa-sungguh dan dengan sa-benar-nya mengaku akan ta'at setia pada menjalankan dengan adil-nya pemerintahan bagi Persekutuan Tanah Melayu dengan mengikut sabagaimana undang2 dan Perlembagaan Negeri yang telah di-sah dan di-mashhorkan dan yang akan di-sah dan di-mashhorkan di-masa hadapan ini.

Dan lagi kami berikrar mengaku dengan sa-benar-nya memelihara pada sa-tiap masa Uga-ma Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di-dalam negeri."

TUAN NEHRU BERSETUJU DENGAN SIKAP P.B.B. TERHADAP CONGO

NEW DELHI. — Perdana Menteri India, Tuan Nehru telah menentang atas penghapusan jawatan Setiausaha Agong Bangsa2 Bersatu sa-bagai yang di-chadangkan oleh Tuan Nikita Khrushchev.

Tuan Nehru yang berbual2 dengan pemberita2 akhbar sa-belum bertolak ka-Bangsa2 Bersatu berkata bahawa beliau tidak berapa faham bagaimana Jawatankuasa atau Surohan-jaya yang di-chadangkan oleh Ketua Soviet itu akan bergerak.

Sumber2 yang di-perchayai berkata bahawa Tuan Nehru tidak membawa apa2 chadangan yang baharu ka-New York, tetapi beliau sangat ingin hendak membuat perhubungan peribadi sa-mula.

Sumber2 itu menyatakan bahawa mungkin Tuan Nehru akan mengambil bahagian yang penting di-sabalek tabir perundingan.

Tatkala di-soal ada-kah beliau bersetuju dengan chara2 Bangsa2 Bersatu mengendalikan pertelingkahan di-Congo itu, Tuan Nehru berkata :

"Sa-chara umum ya, tetapi saya tidak faham atau bersetuju atas satengah2 tindakan mereka."

Tuan Nehru berkata bahawa beliau berfikir Bangsa2 Bersatu tidak pernah kuat sa-bagai yang ada sekarang, dan menambahkan :

"Bangsa2 Bersatu itu sekarang kuat, chergas dan bekerja yang membayangkan buah fikiran bangsa2 di-dunia. Itu-lah sebab-nya, jika kita bercakap tentang krisis di-Bangsa2 Bersatu, kita tidak akan faham tentang-nya sama sa-kali" Ia-nya ada-lah krisis sa-dunia, yang di-bayangkan di-Bangsa2 Bersatu.